



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
BAHAGIAN PEMBANGUNAN PERAKAUNAN DAN PENGURUSAN
(MEMO DALAMAN)**

Ruj. Kami : JANM.BPPP.500-7/1/1 ()

Tarikh : 8 April 2019

PERKARA	PROGRAM SK² : SEJAHTERA KEWANGAN, SEJAHTERA KENDIRI		
DARIPADA	TP BPPP		SALINAN : Fail Timbul
KEPADA	P BPOPP P PPPA P BA MOF P BWTD P BPAD	P PBTM P BPOPA P BKP P IPN	

Saya dengan hormatnya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Sub Unit Kaunseling, BPPP dengan kerjasama Unit Pengurusan Psikologi, Seksyen Pengurusan Sumber Manusia, Bahagian Dasar Saraan dan Pengurusan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) akan mengadakan **Program Sk2 : Sejahtera Kewangan, Sejahtera Kendiri** pada ketetapan seperti berikut:-

Tarikh : 17 - 18 April 2019 (Rabu - Khamis)
Masa : 8.30 pagi – 4.30 petang
**Tempat : Dewan Auditorium Aras 1, Blok Tengah
Kementerian Kewangan Malaysia**

3. Program ini bertujuan untuk untuk :

- I. Memberi pendedahan dan maklumat kepada warga berkenaan isu-isu berkaitan kewangan semasa;
- II. Meningkatkan pemahaman dan pengetahuan mengenai kepentingan pengurusan kewangan yang bijak;
- III. Memupuk kesedaran psikologi dan kendiri yang sejahtera melalui pengurusan kewangan yang bijak; dan
- IV. Perkongsian pengalaman dan pengetahuan berkaitan motivasi diri individu berjaya.

4. Seramai 55 orang bilangan kuota diberikan kepada warga JANM untuk menyertai program tersebut. Sehubungan itu, pendaftaran kursus boleh dibuat mulai 9 April 2019 sehingga 11 April 2019 secara atas talian (online) di portal jabatan (www.anm.gov.my). Pada portal, Klik > warga JANM > sistem dalam talian > eKursus > borang permohonan kursus bulanan. Semua peserta terlebih dahulu mendapatkan kelulusan dari ketua jabatan sebelum membuat pendaftaran kursus. Tentatif kursus seperti di Lampiran A.

5. Semua pegawai yang telah mendaftarkan nama wajib menghadiri kursus dan perlu mendapatkan pengganti jika tidak dapat berbuat demikian atas sebab-sebab yang munasabah.

6. Sijil kehadiran hanya akan dikeluarkan kepada peserta yang hadir dan mengikuti kursus sepenuhnya. Sebarang pertanyaan lanjut boleh dikemukakan kepada pegawai berikut:

Puan Nor Ziana binti Awang	-	03-88821091
Puan Nur Shafinaz binti Muhamad	-	03-88821170
Puan Nurulashikin binti Ahmad Razalli	-	03-88821191

Segala perhatian dan kerjasama tuan/puan, dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Pertingkat Inovasi Terokai Transformasi Kuasai Globalisasi"



(NOORHASLENDĀ BINTI ABDULLAH)

Timbalan Pengarah

Bahagian Pembangunan Perakaunan dan Pengurusan

Jabatan Akauntan Negara Malaysia

LAMPIRAN A

HARI PERTAMA: 17 APRIL 2019 (RABU)

MASA	BUTIRAN	
8.00 – 9.00 Pagi	Pendaftaran Peserta & Sarapan	
9.00 – 10.30 Pagi	Bicara 1 : Pengurusan Kewangan Yang Bijak	Penceramah:- Pegawai Agensi Kaunseling & Pengurusan Kredit (AKPK)
11.00 – 12.00 Tengahari	Bicara 2 : Jenayah Kewangan dan Kesan Kepada Individu	Penceramah:- Pegawai Bank Negara Malaysia
12.00 – 1.00 Petang	MAJLIS PERASMIAN	
1.00 – 2.30 Petang	Makan Tengahari & Solat Zohor	
2.30 – 4.30 Petang	Bicara 3 : Motivasi Kewangan Dari Perspektif Psikologi	Penceramah:- Pegawai Psikologi JPA
4.30 Petang	Minum Petang & Bersurai	

HARI KEDUA: 18 APRIL 2019 (KHAMIS)

MASA	BUTIRAN	
8.00 – 9.00 Pagi	Pendaftaran Peserta	
9.00 – 10.30 Pagi	Bicara 4 : Tanpa Keberanian Mimpi Tidak Akan Menjadi Kenyataan	Penceramah:- Cik Haziqah Nurulhuda binti Harun Pengasas Yaya Mooncake
10.30 – 11.00 Pagi	Minum Pagi	
11.00 – 1.00 Tengahari	Bicara 5 : From Zero To Hero	Penceramah:- Zero Maharaja Lawak
1.00 – 2.30 Petang	Makan Tengahari & Bersurai	